



RHB ISLAMIC BANK BERHAD 200501003283 (680329-V) Incorporated in Malaysia

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat-syarat am berkaitan Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan penjelasan daripada RHB Islamic Bank Berhad jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat-syarat am).

PEMBIAYAAN KENDERAAN-i (KADAR BERUBAH)

Tarikh : _____
[untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan / Pegawai Pemasaran]

1. Apakah produk ini?

[Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) ("Kemudahan") adalah pembiayaan kadar berubah yang membenarkan anda untuk menyewa kenderaan ("Kenderaan") daripada Bank dan membeli serta mengambil hak ke atas Kenderaan tersebut selepas penyelesaian bayaran sewa yang terakhir. Pembiayaan Kenderaan-i menggunakan konsep AL- IJARAH THUMMA AL-BAI' (AITAB) (sewa beli).

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan oleh Kemudahan ini adalah:

- IJARAH:** Dikenali juga sebagai pajakan/ sewa. Anda menyewa Kenderaan daripada Bank pada bayaran bulanan yang dipersetujui dalam satu tempoh tertentu ("Tempoh Sewa").
- WAKALAH:** Pihak Bank akan melantik anda sebagai ejen Bank untuk tujuan penyelenggaraan Kenderaan semasa Tempoh Sewa.
- BAI':** Bermaksud penjualan di mana apabila tamat Tempoh Sewa / penyelesaian awal / pembayaran awal, anda akan menandatangani kontrak kedua untuk membeli Kenderaan daripada Bank pada harga yang dipersetujui. Dalam hal ini, anda dianggap memiliki pilihan untuk membeli Kenderaan tersebut sekiranya anda telah membayar deposit kepada Bank. Dalam Tempoh Sewa, pemilikan Kenderaan adalah kepunyaan Bank. Setelah penyelesaian keseluruhan bayaran sewa, Perjanjian Jualan akan dilaksanakan untuk memindahkan pemilikan Kenderaan daripada Bank kepada anda.

3. Apakah yang akan saya dapat daripada produk ini?

Jumlah Pembiayaan Kenderaan	: RM _____	}	(sehingga 90% daripada harga belian)
Jumlah Caj Sewa	: RM _____		
Margin Pembiayaan Kenderaan	: _____ %	}	HPRTT
HP Reducing Term Takaful (jika berkenaan)	: RM _____		
Jumlah Pembiayaan (termasuk HPRTT)	: RM _____	}	Pembiayaan Kenderaan & HPRTT
Kadar Asas Semasa	: _____ %		
Spread	: _____ %	}	Kadar Asas Semasa & Spread
Kadar Keuntungan Efektif	: _____ %		
Kadar Peratusan Tahunan Kasar	: _____ %	}	(sehingga 9 tahun)
Tempoh Pembayaran	: _____ tahun		

* Kadar Asas Semasa: boleh berubah dari semasa ke semasa. Sila rujuk laman sesawang Kumpulan RHB untuk Kadar Asas yang terkini. Kadar Asas hendaklah dimaklumkan kepada anda semasa pembiayaan dibuat.

Kadar siling: 12% (dalam mana-mana kes, di mana Kadar Keuntungan Efektif adalah lebih daripada 12%, anda hanya akan dikenakan kadar keuntungan maksimum 12%).

4. Apakah kewajipan saya?

Tempoh bayaran ansuran	: _____	Bulan
Jumlah bayaran ansuran pertama	: RM _____	}
Jumlah bayaran ansuran bulanan	: RM _____	
Satu (1) bayaran ansuran terakhir	: RM _____	

Nota: Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda secara bertulis tentang sebarang perubahan pada kadar keuntungan yang berkaitan dengan Kemudahan anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan perubahan tersebut.

5. Penanda Aras KASI untuk 3 tahun yang lepas

HISTORICAL STANDARDISED BASE RATE ISLAMIC (SBRI) FOR THE PAST 3 YEARS



Nota:

- Kadar Asas Standard Islamik (KASI) telah diperkenalkan pada 01 Ogos 2022. KASI = Kadar Dasar Semalaman (OPR); kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
- Garis putus-putus menunjukkan data OPR yang terdahulu, iaitu kadar penanda aras KASI. KASI akan meningkat atau menurun berdasarkan kepada perubahan OPR.
- Kadar Asas (KA) untuk Kemudahan ini akan berubah seiring dengan perubahan KASI. Untuk butiran lanjut siri sejarah, sila rujuk laman web kami.

6. Contoh Penukaran Kadar Asas

Jumlah pembiayaan: RM100,000.00
 Bayaran bulanan semasa: RM1,140.00
 Tempoh asal pembayaran: 9 tahun

Penting: Bayaran bulanan dan jumlah pembayaran anda akan berubah jika terdapat perubahan pada Kadar Asas (KA).

Tahun	Tahun Pertama (Mula)	Tahun Ketiga	Tahun Kelima
Jumlah Ansuran dibayar	0 bulan	24 bulan	48 bulan
Baki Ansuran	108 bulan	84 bulan	60 bulan
Kadar Asas + Spread	3.75% + 1.25% = 5.00%	Jika KA naik 1%; 4.75% + 1.25% = 6.00%	Jika KA naik 2%; 6.75% + 1.25% = 8.00%
Baki Asas	RM100,000.00	RM81,476.80	RM61,543.95
Bayaran Bulanan	RM1,152.00	RM1,191.00	RM1,248.00
Bayaran Akhir	RM1,122.55	RM1,128.69	RM1,241.36
Jumlah Caj Sewa	RM24,386.55	RM18,504.89	RM13,329.41
Jumlah Yang Perlu Dibayar	RM124,386.55	RM99,981.69	RM74,873.36

Nota: Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda secara bertulis tentang sebarang perubahan pada Kadar Keuntungan Efektif yang berkaitan dengan Kemudahan anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan perubahan tersebut.

7. Apakah jenis-jenis yuran dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Butiran Yuran / Caj	Jumlah Yuran dan Bayaran
I.	Perjanjian Kemudahan	RM 10.00 untuk duti setem bagi setiap perjanjian
II.	Variasi ke atas Perjanjian Kemudahan atas permintaan	RM 10.00 untuk duti setem bagi setiap perjanjian
III.	Bayaran Pos	<ul style="list-style-type: none"> • RM 3.50 untuk akaun tanpa penjamin • RM 7.00 untuk akaun dengan 1 penjamin • RM 10.50 untuk akaun dengan 2 orang penjamin
IV.	Pembaharuan Cukai Jalan	RM 10.00 bagi setiap transaksi
V.	Penyata penebusan (seperti yang diminta oleh pihak ketiga)	RM 30.00 bagi setiap permohonan
VI.	Pembebasan dan Surat Pelepasan (seperti yang diminta oleh pihak ketiga)	RM 30.00 bagi setiap permohonan
VII.	Rujukan Data Financial Institution Services (FIS)	RM 4.20 bagi setiap transaksi
VIII.	Permintaan untuk mendapatkan semula dan salinan dokumen <ul style="list-style-type: none"> • Penyata Tambahan berkaitan dengan Kemudahan • Pengeluaran surat persetujuan untuk pemindahan Kenderaan dari Malaysia Timur ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya • Pengeluaran surat aku janji untuk tuntutan insurans / takaful • Pengesahan Audit bagi setiap akaun • Permintaan untuk salinan dokumen Kemudahan. 	RM 22.00 bagi setiap permohonan
IX.	Salinan Perjanjian Kemudahan	RM 25.00 bagi setiap permohonan

Nota 1: Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda secara bertulis tentang sebarang perubahan pada yuran dan caj yang berkaitan dengan Kemudahan ini sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan perubahan tersebut.

Nota 2: Anda juga bertanggungjawab untuk membayar semua yuran professional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan ("Cukai Perkhidmatan") dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa, perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan yuran, perbelanjaan atau perlindungan lain yang berhubung dengan Kemudahan ini.

Nota 3: Jika anda ingin mendapatkan penyata akaun Kemudahan, sila hantarkan e-mel ke custserv.autofinop@rhbgroup.com atau mendaftar di RHB Now untuk e-penyata dan pembayaran secara dalam talian. Permintaan pertama adalah percuma tetapi sebarang permintaan berikutnya akan dikenakan yuran mengikut item VIII di atas.

8. Bagaimana jika saya tidak dapat memenuhi kewajipan-kewajipan saya?

- (a) Anda adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan (Ta'widh) kepada pihak Bank seperti berikut:
- jika anda gagal membayar bayaran tertunggak di bawah Kemudahan ini dari tarikh pembayaran pertama kepada pihak Bank sehingga tarikh matang Kemudahan ini, kadar bayaran pampasan (Ta'widh) yang terpakai ialah tidak melebihi satu peratus (1%) setahun.
 - ke atas jumlah tertunggak dalam kes kemungkiran ke atas pembayaran berjadual; atau
 - ke atas baki pembiayaan Kemudahan ini yang masih belum dijelaskan kerana kemungkiran yang menyebabkan Kemudahan ini ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tempoh tamat Kemudahan ini.
 - jika anda gagal membayar sebarang jumlah yang tertunggak dan kegagalan adalah berterusan di luar tempoh Kemudahan tersebut atau selepas penghakiman diperolehi (yang mana terdahulu), pada kadar untuk setahun seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa (sebelum dan juga selepas penghakiman) dengan syarat kadar pampasan yang terpakai tidak boleh melebihi masa melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam, Bank Negara Malaysia (BNM) terhadap jumlah baki tertunggak bagi Kemudahan ini yang dikira pada asas harian; atau
 - apa-apa kaedah lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM; dan
 - jumlah pampasan (Ta'widh) itu tidak boleh dikompau.
- (b) Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda tidak memberikan respon kepada notis peringatan. Kenderaan anda boleh ditarik balik dan anda terpaksa membayar segala kos yang terpakai. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas Kenderaan anda dijual. Tindakan undang-undang terhadap anda akan mempengaruhi penilaian kredit anda yang menyebabkan kredit yang lebih sukar atau mahal kepada anda.
- (c) Sekiranya anda gagal menunaikan kewajipan untuk menjelaskan bayaran sewa atau melanggar terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam Perjanjian Kemudahan, Bank berhak untuk mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi mengurangkan kerugian.
- (d) Hak untuk tolak selesai: Pihak Bank berhak menolak selesai sebarang amaun tertunggak dalam akaun Kemudahan ini dari mana-mana akaun deposit yang dimiliki oleh anda dengan pihak Bank, di mana pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar lebih awal.

9. Bagaimana sekiranya saya melunaskan pembiayaan sepenuhnya sebelum tarikh matang?

Pihak Bank akan memberi rebat (Ibra') ke atas mana-mana jumlah yang perlu dibayar oleh pihak anda berhubung dengan apa-apa bayaran tertunggak di bawah Kemudahan dalam mana-mana keadaan berikut:

- apa-apa penyelesaian awal atau penebusan awal oleh pihak anda termasuk pembayaran awal;
- apa-apa penyelesaian awal Kemudahan disebabkan apa-apa penyusunan semula Kemudahan oleh pihak anda;
- apa-apa penyelesaian awal oleh pihak anda apabila berlakunya Peristiwa Kemungkinan; dan
- apa-apa penyelesaian awal oleh pihak anda sekiranya Kemudahan ditamatkan atau dibatalkan sebelum tamat tempoh Kemudahan.

Pengiraan rebat (Ibra') untuk penyelesaian awal oleh pihak anda adalah seperti berikut:

Rebat (Ibra') = *Baki Caj Sewa Belum Diperolehi - caj penyelesaian awal yang ditentukan oleh pihak Bank (jika ada).

* Baki Caj Sewa Belum Diperolehi adalah sama dengan caj sewa tidak nyata pada masa penyelesaian penuh.

Pengiraan rebat (Ibra') hendaklah dibuat mengikut apa-apa kaedah, peraturan dan/ atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang diperlukan atau dikenakan ke atas pihak Bank oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank.

Nota: Kos/ perbelanjaan lain termasuk bayaran pos, caj pemilikan semula, penyimpanan, yuran guaman dan lain-lain (yang terpakai).

10. Adakah saya memerlukan apa-apa perlindungan TAKAFUL?

TAKAFUL MOTOR: Takaful Motor adalah wajib. Kenderaan hendaklah dilindungi secukupnya di bawah perlindungan menyeluruh terhadap risiko kebakaran, kemalangan, kecurian, dalam peristiwa force majeure seperti bencana alam (banjir, taufan, ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh dan lain-lain) dan risiko lain yang mungkin diperlukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa sepanjang Tempoh Sewa. Kegagalan untuk mendapatkan perlindungan yang mencukupi akan menyebabkan anda bertanggungjawab (di sisi undang-undang) dan pihak Bank berhak untuk menuntut pembiayaan yang tertunggak daripada anda.

HIRE PURCHASE REDUCING TERM TAKAFUL (HPRTT): HPRTT adalah atas pilihan anda/ tidak wajib. Sekiranya anda meninggal dunia atau mengalami kecacatan kekal sepenuhnya, HPRTT akan membayar jumlah pampasan mengikut Jadual Jumlah Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam polisi. Ini akan mengurangkan beban pembayaran bulanan pada waris-waris atau keluarga terdekat anda. Anda boleh memilih untuk memasukkan sumbangan HPRTT ke dalam jumlah keseluruhan Kemudahan dengan RHB Islamic Bank untuk menikmati perlindungan sepanjang tempoh pembiayaan.

GUARANTEED ASSET PROTECTION (GAP): GAP adalah atas pilihan anda / tidak wajib dan boleh diperolehi daripada pelbagai pengendali perkhidmatan takaful. Jika berlaku kerugian menyeluruh atau kecurian Kenderaan, GAP akan menampung perbezaan antara tuntutan Motor takaful dan pembiayaan tertunggak. Ini akan mengurangkan beban pembayaran bulanan pada waris-waris atau keluarga terdekat anda. Anda boleh memilih untuk membeli sumbangan GAP secara berasingan untuk menikmati perlindungan sepanjang tempoh Kemudahan.

Nota:

- Ejen akan menyediakan sebut harga untuk Takaful Motor/ HPRTT/GAP yang ditawarkan oleh pengendali Takaful panel Bank atau mana-mana pengendali Takaful sah pilihan anda dan dipersetujui oleh pihak Bank. Walaubagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kelewatan, pelantikan pengendali Takaful panel Bank adalah amat digalakkan.
- Dalam mengambil perlindungan Takaful di atas, pihak Bank dengan ini menasihati anda tentang perkara berikut:
 - a) Anda dinasihatkan untuk mendapatkan perlindungan Takaful Motor, HPRTT dan GAP.
 - b) Anda boleh mendapatkan insurans konvensional untuk melindungi Kenderaan dalam keadaan berikut:
 - i. Permohonan untuk perlindungan Takaful ditolak oleh semua pengendali takaful; atau
 - ii. Kos perlindungan insurans jauh lebih kompetitif berbanding dengan kos perlindungan Takaful.
- Perlindungan Takaful adalah penting bagi memastikan penawaran produk ini patuh Syariah secara sepenuhnya. Walaubagaimanapun, pihak Bank berhak untuk menuntut apa-apa amaun yang perlu dibayar walaupun anda memilih insurans konvensional.
- Sekiranya anda memilih untuk menggunakan Insurans Motor konvensional, sebahagian daripada bayaran deposit anda akan dikira sebagai pembayaran bagi kos premium insurans.

11. Adakah saya memerlukan penjamin?

Sama ada penjamin diperlukan bergantung kepada merit setiap permohonan. Sekiranya penjamin diperlukan, penjamin tersebut akan dimaklumkan mengenai hak dan kewajipannya.

12. Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya serahkan?

Pemohon Bergaji	Pemohon Bekerja Sendiri
<ul style="list-style-type: none">➢ Salinan MyKad / Kad Pengenalan➢ Lesen memandu➢ Slip gaji (3 bulan yang terkini)➢ Penyata KWSP yang terkini➢ Borang cukai pendapatan yang terkini <p>*NOTA: Pihak Bank mungkin memerlukan sehingga enam (6) bulan penyata pendapatan sekiranya pendapatan anda mengandungi pelbagai komponen.</p>	<ul style="list-style-type: none">➢ Salinan MyKad / Kad Pengenalan➢ Salinan Pendaftaran Perniagaan➢ Penyata akaun semasa enam (6) bulan yang terkini➢ Penyata Kewangan

13. Apakah risiko-risiko utama?

Jika anda tidak membuat pembayaran secara konsisten sepanjang Tempoh Sewa, pihak Bank berhak untuk mengambil dan melong Kenderaan anda. Sekiranya anda mempunyai masalah untuk memenuhi tanggungjawab anda di bawah Kemudahan, sila hubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran.

14. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak Bank mengenai sebarang perubahan maklumat bagi memastikan anda menerima semua surat menyurat tepat pada masanya.

Anda boleh memaklumkan kepada pihak Bank mengenai sebarang perubahan menerusi pelbagai saluran komunikasi seperti laman web, cawangan Bank atau Pusat Panggilan Pelanggan RHB di talian 03-9206 8118.

15. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- a) Jika anda mempunyai masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan anda, hubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- b) Sebagai alternatif, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 & 6, Menara Aras Raya
(dahulu dikenali sebagai, Menara Bumiputra Commerce)

Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2616 7766

Emel: enquiry@akpk.org.my

- c) Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak Bank di:

Customer Advocacy, Group Customer Experience and Channel Management,

RHB Islamic Bank Berhad,
Level 2, Tower 2,

Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

Emel: customer.advocacy@rhbgroup.com

Web: <http://www.rhbgroup.com>

- d) Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak Bank secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNMLINK di:
**Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,
 No. 10, Jalan Dato' Onn,
 50480 Kuala Lumpur.**
**Tel: 1-300-88-5465 atau +603 2174 1717 (luar negara)
 Faks: 03-2174 1515
 Borang web: bnmlink.bnm.gov.my**
- e) Sebagai alternatif, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Ombudsman for Financial Services (OFS) (dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan), sebuah organisasi tidak berasaskan keuntungan yang berfungsi sebagai saluran alternatif untuk penyelesaian pertikaian bagi menyelesaikan pertikaian di antara anggota OFS (iaitu penyedia perkhidmatan kewangan yang dilisensikan atau diluluskan oleh BNM) dan pengguna kewangan. Anda boleh menghubungi OFS di:
**Level 14, Main Block,
 Menara Takaful Malaysia,
 No 4, Jalan Sultan Sulaiman,
 50000 Kuala Lumpur**
**Tel: 03-2272 2811
 Emel: enquiry@ofs.org.my
 Web: <https://www.ofs.org.my>**

16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak Bank di:

**RHB Islamic Bank Berhad
 Level 2, Tower 3, RHB Centre,
 Jalan Tun Razak,
 50400 Kuala Lumpur.**

**Tel: 03-9206 8118
 Emel: customer.service@rhbgroup.com
 Web: www.rhbgroup.com**

17. Pakej lain untuk Al-Ijarah Thumma Al-Bai' yang tersedia ada?

Sewa Beli-i (Kadar Tetap)

18. Ilustrasi mengenai pengeluaran notis & peringatan.

NOTIS PENTING:

PENGAMBILAN SEMULA MILIK DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA DAN PENJAMIN ANDA (SEKIRANYA ADA) JIKA PEMBAYARAN BALIK SEWA BELI ANDA TIDAK DIKEMAS KINI.

Ilustrasi mengenai pengeluaran peringatan dan notis

Semua peringatan dan notis akan dikeluarkan berdasarkan ilustrasi di bawah:

Tarikh Ansuran Bulanan Perlu Dibayar: Setiap 5 haribulan

Ansuran Bulanan Pertama yang tertunggak: 5 Mac 2020

Peringatan / Notis	Hari/ Bulan (selepas Tarikh Ansuran Bulanan)	Tarikh pengeluaran Peringatan/Notis	Tarikh tamat tempoh Peringatan/Notis
Peringatan Pertama	10 hari selepas tarikh ansuran bulanan pertama yang tertunggak	15/03/2020	
"Fourth (4 th) Schedule"	Selepas 2 bulan ansuran bulanan tertunggak	06/03/2020	27/03/2020
Notis 7 Hari	7 hari sebelum tarikh tamat tempoh "Fourth (4 th) Schedule"	21/03/2020	28/03/2020
Arahan Pengambilan Semula Milik	Pada tarikh tamat tempoh Notis 7 Hari	29/03/2020	

19. Kod Etika Bagi Pemegang Permit Ejen Pemilikan Semula di bawah Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan 2010)

- Pemegang permit hendaklah memiliki kad permit EPS yang sah dan memastikan permit masih dalam tempoh sah semasa menjalankan aktiviti pemilikan semula kenderaan atau barangan.
- Pemegang permit EPS hendaklah mendapat keizinan daripada penghuni sebelum memasuki premis persendirian.
- Pemegang permit EPS hendaklah berpakaian kemas dan mengamalkan sikap profesional semasa menjalankan aktiviti pemilikan semula Kenderaan.
- Pemegang permit EPS dilarang menggunakan segala bentuk kekerasan sewaktu proses pemilikan semula dijalankan.
- Sewaktu proses pemilikan semula dijalankan, pemegang permit hendaklah:
 - mengemukakan kepada anda permit EPS, Kad Pengenalan dan Perintah Pemilikan Semula yang dikeluarkan oleh pihak Bank;
 - memberi masa yang munasabah kepada anda untuk memeriksa dan mengeluarkan barangan peribadi kepunyaan anda;
 - mengambil gambar bahagian dalam dan luar kenderaan serta barangan peribadi anda; dan
 - mengeluarkan senarai inventori tentang keadaan Kenderaan semasa proses pemilikan semula dijalankan.
- Pemegang permit EPS tidak dibenarkan untuk memasuki premis persendirian kecuali dengan Perintah Mahkamah.
- Pemegang permit EPS hendaklah membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam selepas pemilikan semula selesai dijalankan. Tempoh lanjutan hanya diberi dalam situasi tertentu tetapi tempoh lanjutan berkenaan tidak akan melebihi 48 jam.
- Pemegang permit EPS hendaklah bertindak mengikut undang-undang dan peraturan dan Kod Etika (seperti yang diperkenalkan oleh Persatuan Syarikat-syarikat Sewa Beli Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) pada setiap masa ketika menjalankan tugas mereka.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah bermula dari 22 Feb 2024.